



KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/4/2019	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	BMG / JMG / JKPTG / BAUKSIT			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



DR Azizan ketika ditemui pada Sesi Pendengaran Awam SOP Perlembangan dan Pengeksportan Bauksit Pahang di Dewan Jujili Perak Sultan Ahmad Shah, semalam.

E-aduan: Salur maklumat aktiviti bauksit

Ketahui: Laman web berkaitan bauksit akan digunakan sebagai platform kepada orang ramai untuk mengemukakan aduan secara dalam talian atau e-aduan apabila aktiviti perlombongan bahan mineral itu dibenarkan beroperasi semula.

Sistem dijangka dibangunkan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Prosedur Operasi Standard (SOP) Bauksit selepas SOP mengenai aktiviti itu dimuktamadkan hujung bulan ini.

Pengerusinya, Prof Daim Dr Azizan Abu Samah berkata, e-aduan akan dikendalikan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli serta Pejabat Tanah dan Galian Pahang.

"Laman web ini akan diuruskan dua jabatan berbeza, masing-masing di peringkat Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, malah strukturnya kami akan fikirkan kemudian.

"Bagaimanapun, prinsipnya masih sama iaitu menggabungkan aduan daripada orang ramai dan kami juga menetapkan SOP yang sekurang-kurangnya dua aduan dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu.

"Maukalah setiap dua bulan akan dilakukan pemantauan terhadap kawasan yang terhadit aktiviti perlombongan itu," katanya selepas Sesi Pendengaran Awam SOP Perlembangan dan Pengeksportan Bauksit Pahang di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah dan ADUN Semambu Lee Chean Chung.

Beliau turut menyuarakan supaya satu jawatankuasa pemantau diwujudkan yang dianggotai beberapa pihak berkaitan termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, wakil rakyat dan pemimpin penduduk bagi membuat pemantauan di kawasan lombong dari masa ke masa.

Mengulas mengenai SOP bauksit yang dibentangkan, Dr Azizan berkata, pihaknya mengambil kira semua pandangan orang awam.